



# Buletin **JAWHAR**


JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI



PRAGMATIK . RESPONSIF . OBJEKTIF

Bil. 1/2010

ISSN 1985-2029



## Epistemologi Tauhid : Ekonomi Zakat & Wakaf



*Menarik Di Dalam...*

- JID Pertama 2010
- Sedekah membawa keberkatan
- Perancangan Sumber Manusia di dalam Organisasi Zakat

**Persidangan Ketua-ketua Jabatan / Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia Kali Ke – 82**



## DARI MEJA Ketua Editor

**السلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

Segala puji dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya kita sama-sama diberi taufik dan hidayah dalam meneruskan kehidupan kita di bumi Allah SWT ini. Selawat serta salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, sekalian keluarga dan para sahabat Baginda.

Saya mengambil kesempatan ini untuk memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Rabbul Izzati kerana dengan izinNya jua, kita masih diberi nikmat kehidupan untuk meneruskan tahun baru 2010. Semoga perjalanan ibadat kita diiringi keredhaan dan keberkatanNya. Marilah kita melangkah masuk ke tahun baru ini dengan iltizam yang tinggi dan tekad yang padu untuk melaksanakan segala tugas yang diamanahkan dengan penuh dedikasi, cemerlang dan berkualiti. Tahun 2009 telah meninggalkan kita dan seharusnya kita tidak terus berbangga dengan pencapaian sepanjang tahun tersebut sahaja malah, kita seharusnya bertekad untuk meneruskan kesinambungan kecemerlangan pada tahun 2010 ini.

Sepertimana yang kita semua maklum, Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dengan dokongan dua objektif iaitu untuk mentransformasikan jentera Kerajaan agar menjadi lebih efektif dalam penyampaian perkhidmatan dan bertanggungjawab atas keberhasilan yang menjadi keutamaan kepada rakyat serta memacu Malaysia ke arah melahirkan masyarakat yang maju, bersatu-padu dan saksama dengan taraf kehidupan yang tinggi. Ini adalah sejarah dengan Misi Nasional ke arah mencapai Wawasan 2020 bagi merealisasikan impian Malaysia menjadi negara maju. Terdapat enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) yang telah dikenalpasti iaitu mengurangkan jenayah, membanteras rasuah, mempertingkatkan pencapaian pendidikan, mempertingkatkan taraf kehidupan isirumah berpendapatan rendah, mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar dan mempertingkatkan pengangkutan awam bandar. Sebagai salah sebuah organisasi Kerajaan, kita seharusnya turut memainkan peranan bagi memastikan NKRA ini tercapai.

Saya percaya tahun 2010 akan merupakan tahun yang lebih mencabar. Untuk itu, kita hendaklah menyediakan rangka kerja dan pelan tindakan yang berkesan untuk mencapai setiap sasaran yang ditetapkan dalam GTP. Bagi mendepani cabaran-cabaran ini dan mencapai sasaran kerja yang ditetapkan bagi tahun 2010, saya berharap setiap warga JAWHAR terus memberi kerjasama dan berusaha dengan lebih gigih serta menunjukkan komitmen, disiplin dan integriti yang tinggi. Amalan kerja secara berpasukan haruslah diterapkan lagi dalam semua aktiviti sama ada di peringkat Jabatan maupun Bahagian ke arah mencapai Konsep 1 Malaysia seperti yang ditekankan oleh YAB Perdana Menteri. Perkhidmatan cemerlang dalam sistem penyampaian bertaraf dunia kepada stakeholders dan pelanggan harus diberi tumpuan sewajarnya, agar selaras dengan konsep 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Selaras dengan semangat Tahun Baru, marilah kita semua mempertingkatkan azam untuk membawa jabatan, institusi wakaf, zakat, mal dan haji serta negara ke mercu kejayaan yang lebih tinggi. Saya yakin dengan berpegang kepada nilai-nilai murni, negara kita amnya dan JAWHAR khususnya akan mencapai kejayaan yang terbilang pada tahun hadapan.

Bersempena dengan tahun baru ini juga, sukacitanya saya mengucapkan Selamat Tahun Baru dan Salam Ma'al Hijrah kepada semua warga JAWHAR khususnya dan rakyat Malaysia amnya. Semoga tahun 2010 akan merupakan satu lagi tahun gemilang yang dianugerahkan Allah SWT untuk kita semua.

Sekian, terima kasih.

والسلام

En. Abd. Ghafar bin Yusof  
Timbalan Ketua Pengarah  
JAWHAR

## Sidang Editor

### PENASIHAT :

Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh

### Ketua Editor :

En. Abd. Ghafar b. Yusof

### Editor :

Dr. Norazman b. Ismail  
En. Ahmad Munir b. Ishak  
Pn. Rosmawati bt. Yas  
Cik Norlizah bt. Mainoordin

### Pembantu Editor :

Pn. Dayang Suhada bt. Md Yusop  
Cik Dahlia bt. Ishak  
Pn. Rohaizah bt. Mohd Rojulan  
En. Mohd Fazarul b. Mohd Safain  
Cik Wan Nur Izzati bt. Wan Azahari  
Cik Kamariah Nor bt. Mohd Nong

### Grafik :

Percetakan Nasional Malaysia Berhad

### Jurufoto :

En. Muhammad Firdaus b. Abdul Rahim  
En. Rozali b. Maarof

## Kandungan

Perutusan Ketua Pengarah JAWHAR.....3

Persidangan Antarabangsa Kali Ke-7.....4

Pensijilan MS 1900:2005.....5

JAWHAR, MAIN dan YWM komited bangunkan tanah wakaf dalam RMKe-10.....6

JID Pertama....7

Galeri JAWHAR.....8

Persidangan Ketua-ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia Kali Ke-82.....10

Sedekah membawa keberkatan.....11

Perancangan Sumber Manusia Dalam Organisasi Zakat...12

Selamat Pengantin Baru.....13

Permata JAWHAR.....14

Pertukaran dan Lantikan baru warga JAWHAR....15

## PERUTUSAN

## Ketua Pengarah JAWHAR



## السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya Buletin JAWHAR Bil.1/2010 ini berjaya diterbitkan. Selawat serta salam buat junjungan besar Rasulullah SAW, kaum keluarga dan para sahabat Baginda.

Di kesempatan ini, saya ingin mengingatkan kita semua kepada tujuan diadakan penerbitan sebegini. Saya merasakan adalah menjadi satu kemestian bagi sesebuah Jabatan yang cemerlang untuk mempunyai kekuatan dan keteguhan dari aspek kekitaan serta memiliki suatu pemikiran yang terarah. Ini penting kerana kecemerlangan sesebuah jabatan bukan hanya disebabkan oleh cemerlangnya seseorang individu tetapi ia mestilah digerakkan oleh seluruh warga Jabatan tersebut. Oleh itu, perkongsian aktiviti Jabatan amatlah dititikberatkan supaya diketahui semua. Penerbitan ini adalah sebagai suatu landasan penyampaian maklumat Jabatan secara berkala kepada seluruh warga kerja JAWHAR khasnya, malah kepada masyarakat umumnya.

Di samping itu, penerbitan ini juga merupakan satu ruang penting dalam memainkan peranan sebagai wadah untuk saya menyampaikan hasrat Pucuk Pimpinan Negara dalam beberapa forum, perbincangan dan mesyuarat yang telah saya sertai dan hadiri. Ini penting demi memastikan segala hasrat dan saranan para pemimpin negara itu dapat difahami dan seterusnya diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan dengan penuh komited oleh kita semua selaku penjawat awam.

Kita baru sahaja melewati bulan Rabiulawwal di mana dalam bulan tersebut kita sama-sama memperingati Maulidur Rasul. Di kesempatan ini, saya ingin menarik perhatian semua terhadap aspek integriti yang dimiliki oleh Rasulullah SAW. Baginda adalah pemimpin yang memenuhi fitrah manusia sangat melalui sifat-sifat mulia seperti amanah, siddiq, tabligh dan fatanah. Menurut sirah, sebelum dari kerasulannya, pemimpin Quraish pernah memberi gelaran 'Al-Amin' kerana ketinggian sifat integriti dan akauntabiliti Baginda dalam memberi perkhidmatan cemerlang kepada masyarakat. Gelaran 'Al-Amin' ini telah membangkitkan rasa kasih sayang berterusan sebahagian besar masyarakat Quraish kepada Rasulullah SAW.

Bagaimanapun, cabaran yang dihadapi oleh Baginda juga cukup hebat. Umpamanya, Abu Jahal seorang pemimpin kanan Quraish pernah menawarkan jawatan Raja, perempuan cantik, dan harta kekayaan supaya Rasulullah SAW tidak meneruskan perjuangan Islam. Namun, dengan kekuatan integriti dan maruah kepimpinan Islam, maka Rasulullah SAW menolak semua tawaran itu.

Integriti seorang pemimpin berkait rapat dengan imej agama Islam dan keluarga serta umatnya di dunia hingga akhirat. Lihat sahaja bukti kepimpinan Rasulullah SAW yang mengasihi umatnya, sehingga

di waktu sakaratulmaut pun Baginda masih terkenang mengenai nasib umatnya di dunia ini dengan keluhan yang berat. Berulang kali Baginda menyebut umatku! umatku!

Integriti kepimpinan Rasulullah SAW membawa sehingga terselamatnya umat Islam dari azab Allah SWT sebagaimana sabda Baginda yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari: "Kita (umat Muhammad) adalah yang terakhir (datang ke dunia) tetapi yang terdahulu (diadili) pada hari kiamat. Kita adalah yang paling dahulu masuk syurga, padahal mereka diberi kitab lebih dahulu daripada kita sedangkan kita sesudah mereka."

Ketinggian akhlak dan integriti Rasulullah SAW terus dikagumi umat Islam walaupun Baginda telah lama wafat. Keadaan ini telah menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan golongan tertentu sehingga sanggup menyebarkan fitnah kepada Baginda dan umat Islam. Oleh itu, sempena sambutan Maulidur Rasul, marilah kita menyemarakkan rasa kasih sayang serta mempertahankan martabat Rasulullah SAW.


Kita hendaklah sentiasa menginsafi diri dengan mempertingkatkan integriti dan kualiti jati diri melalui langkah berikut:

- Integriti mencakupi seluruh aspek pengurusan dan kehidupan kita;
- Memantapkan tadbir urus negara, masyarakat, dan keluarga berpandukan syariat Islam;
- Menjauhi daripada mencontohi tokoh-tokoh pemimpin yang korup;
- Memahami bahawa mereka yang tiada integriti dan akauntabiliti walaupun terlepas hukuman di dunia pastinya tidak terlepas daripada hukuman Allah SWT pada hari akhirat; dan
- Mempercayai bahawa pemimpin yang berintegriti akan lebih dihormati, dikagumi dan disayangi oleh keluarga dan masyarakat.

Akhir kata, saya menyeru agar menanamkan rasa cinta dan kasih yang tidak berbelah bagi terhadap Rasulullah SAW dengan mematuhi segala ajaran yang disampaikan oleh Baginda kepada kita termasuklah dalam aspek integriti. Ini penting dalam melaksanakan tugas sehari-hari serta mengangkasakan keupayaan Jabatan ini.

Sekian, terima kasih.

والسلام

  
Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh  
Ketua Pengarah  
JAWHAR

# Persidangan Antarabangsa Kali Ke-7

## Epistemologi Tauhid : Ekonomi Zakat dan Wakaf

Persidangan Antarabangsa Epistemologi Tauhid : Ekonomi Zakat dan Wakaf Kali Ke-7 telah dianjurkan oleh Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama JAWHAR, Jabatan Perdana Menteri dan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Persidangan ini dilangsungkan dengan jayanya selama dua hari pada 6-7 Januari 2010 bertempat di ILIM, Bangi dengan disertai oleh hampir 250 orang tetamu terdiri daripada pegawai Kerajaan, wakil Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seluruh Malaysia, ahli akademik dan pelajar universiti daripada Brunei dan Indonesia. Majlis Perasmian Persidangan telah disempurnakan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berbahagia Tun Hj. Abdullah Hj. Ahmad Badawi. Dalam ucapan perasmian, beliau telah menekankan bahawa Epistemologi Tauhid bukan sahaja relevan kepada zakat dan wakaf tetapi juga merangkumi perbankan Islam. Sekiranya negara berhasrat untuk menjadikan perbankan Islam sebagai alternatif global, maka satu sistem penerapan integriti perlu diwujudkan. Konsep modal insan berintegriti sebagai aset perlu ditekankan kerana modal insan yang tidak berintegriti merupakan satu beban kepada negara.

Objektif Persidangan kali ini ialah:

- untuk mendedahkan individu yang terlibat dalam penyelidikan Ekonomi Islam khususnya dalam bidang zakat dan wakaf ke peringkat Antarabangsa;
- untuk menjalin silaturrahim dan kerjasama baik antara pegawai Kerajaan, ahli akademik, ahli perniagaan dan para penyumbang;
- untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu serantau dengan menerbitkan buku Prosiding Persidangan bagi edaran global;
- untuk membuka peluang kepada ahli akademik daripada UKM, Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan sebagainya bagi memperolehi idea baru di samping membina keutuhan rangkaian kerja dengan para pembentang yang ternama;
- untuk menggalakkan penyelidikan dalam bidang Ekonomi Islam dalam kalangan ahli akademik negara dan memulakan penyelidikan perbandingan;
- untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat perjumpaan bagi pembentang nasional dan global di samping

menggalakkan banyak klagipерjumaand persidangan sesama pembentang; dan

- untuk menarik pembentang ke Malaysia dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan Ekonomi Islam

Persidangan ini telah disertai oleh seramai 24 orang pembentang dari seluruh dunia. Dalam persidangan tersebut, banyak isu serta konsep-konsep baru berkaitan tajuk Persidangan telah diketengahkan dan dapat dikongsi bersama oleh para peserta. Hasil perbahasan, ulasan dan pendapat membina daripada peserta dan pembentang terkemuka selama persidangan dua hari ini dapat membantu para penyelidik dalam memperbaiki kertas kerja mereka. Usaha ini amat baik dan perlu diteruskan bagi memastikan perkongsian ilmu Islam tidak hanya terhenti di sini. Syabas dan tahniah serta ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat bagi menjayakan Persidangan kali ini. Semoga usaha-usaha murni seperti ini akan sentiasa diteruskan sebagai amal ibadat.



## PENSIJILAN MS 1900:2005

(Quality Management System Requirements From Islamic Perspective)



Sistem Pengurusan JAWHAR telah diberikan pengiktirafan Pensijilan MS 1900:2005 "Quality Management Systems Requirements From Islamic Perspectives" oleh SIRIM QAS. Lebih membanggakan apabila JAWHAR muncul sebagai agensi Kerajaan pertama dan organisasi kelapan di Malaysia yang diiktiraf bagi pensijilan berprestij ini selepas diaudit selama dua hari pada 27 dan 28 Januari 2010.

YBhg Dato' Ketua Pengarah JAWHAR merakamkan tahniah dan jutaan penghargaan terima kasih kepada warga JAWHAR di atas pengiktirafan persijilan MS 1900:2005 ini. Kejayaan ini adalah hasil kesepakatan dan ketekunan semua pihak. Bak kata beliau sempena Hari Bersama Ketua Pengarah yang lalu, 'Kita tuntaskan semua cabaran dan halangan demi menyahut seruan ke arah keterbilangan dengan tekun dan bersungguh-sungguh sebagaimana Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah SWT menyukai apabila seseorang dari kamu melakukan sesuatu pekerjaan, dia ber'itqan' dengan pekerjaan itu." (Hadis Riwayat Al-Baihaqi).

Dalam pengabdian lipatan sejarah ini, pihak urusetia ingin turut sama mengucapkan ribuan terima kasih di atas segala kerjasama, komitmen jitu dan kesungguhan seluruh warga JAWHAR bagi menjayakan program Pensijilan MS 1900:2005 ini. Sesungguhnya, berkat niat ikhlas seluruh warga JAWHAR, kejayaan ini dapat dicapai juga.

## JAWHAR, MAIN dan YWM komited bangunkan tanah wakaf dalam RMKe-10



Bengkel Penyediaan Brif dan Skop Projek Pembangunan Tanah Wakaf RMKe-10 telah diadakan di JAWHAR melibatkan seramai 30 orang pegawai pembangunan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). Bengkel 2 hari ini telah dianjurkan oleh JAWHAR dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, Cawangan Kerja Bangunan Am (CKBA) Kuala Lumpur.

Program yang julung kalinya diadakan itu telah mendapat sambutan dari MAIN termasuk dari Sabah dan Sarawak. Menurut urusetia bengkel, terdapat MAIN yang menghantar lebih dari 2 orang peserta semata-mata untuk mendedahkan pegawaiannya berkaitan dengan pembangunan tanah wakaf dalam RMKe-10 yang akan bermula pada 2011.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh Wakil Ketua Pengarah JAWHAR, Tuan Haji Mohd Bakri b. Ibrahim yang juga Pengarah Bahagian Wakaf JAWHAR. Menurut beliau, tujuan bengkel adalah untuk mendedahkan pegawai-pegawai pembangunan MAIN dan YWM mengenai prospek ekonomi makro serta saiz pelaburan sektor awam bagi tempoh 2 tahun pertama RMKe-10.

Dalam sesi taklimat tersebut, para peserta didedahkan cara-cara penyediaan brif projek oleh Pn. Nik Ainun Zanariah bt. Nik Abdul

Rashid, Ketua Unit Pengurusan Projek 5, CKBA JKR Malaysia. Pada hari kedua bengkel, para peserta diajarkan cara-cara mengisi maklumat cadangan projek tanah wakaf RMKe-10 secara 'on line' oleh En. Noorhafidzi b. Mohd Arif, Penolong Pengarah Wakaf JAWHAR menerusi e-permohonan, Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) Jabatan Perdana Menteri.

Ramai para peserta berharap JAWHAR akan terus menganjur bengkel seumpama ini yang terbukti berjaya mendedahkan perkara-perkara baru dalam pembangunan tanah wakaf di samping memperkuatkannya lagi hubungan JAWHAR dengan MAIN dan YWM yang telah sedia terjalin. Ini akan melicinkan lagi usaha Kerajaan membangunkan lebih banyak tanah wakaf dalam RMKe-10 bagi merealisasikan *Wakaf 1Malaysia pemangkin kesejahteraan ummah*.



## **JAWHAR Intellectual Discourse Bil.1/2010**

### **Tema: Pendaulatan Pensyariatan Zakat**



Meneruskan tradisi murni majlis ilmu yang dilangsungkan pada tahun-tahun sebelum ini, JID Pertama 2010 telah diadakan pada 24 Februari 2010 di Auditorium EA, Kompleks E, Putrajaya. Bertemakan "Pendaulatan Pensyariatan Zakat", program selama setengah hari ini telah dirasmikan oleh Tn. Hj. Ab. Rahim Zakaria, Pengarah Bahagian Zakat dengan menampilkan dua orang pembentang kertas kerja yang arif dalam bidang zakat dan perekonomian negara.

Para pembentang kertas kerja terdiri dari Prof. Madya Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa, Pensyarah dari Graduate School of Business, Universiti Kebangsaan Malaysia yang juga merupakan seorang tokoh akademik yang tidak asing lagi dalam membicarakan tentang ekonomi Islam. Kertas kerja yang dibentangkan oleh beliau bertajuk "Pemantapan Pengurusan Institusi Zakat di Malaysia".

Seorang lagi pembentang ialah Tn. Hj. Abdul Aziz Abu Bakar, Presiden Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA). Beliau yang berpengalaman luas dalam bidang percukaian telah membentang kertas kerja berjudul "Pengharmonian Zakat dan Cukai". Selesai pembentangan, majlis hangat dengan pelbagai soalan dari peserta berkisar tentang zakat dan percukaian semasa.

Majlis ilmu ini telah dihadiri seramai 138 orang peserta yang terdiri dari pegawai dan kakitangan awam sekitar Putrajaya dan dari Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta Agensi Mengurus Zakat.

Majlis ilmu JID ini merupakan program berkala JAWHAR dalam usaha membangunkan umat berilmu dan beramal. JAWHAR amat mengharapkan agar majlis ilmu seperti ini akan terus mendapat sokongan dan sambutan dari lebih ramai pegawai dan kakitangan jabatan serta agensi Kerajaan di sekitar Putrajaya khususnya dan dari semua MAIN amnya.

# GALERI

Pembentangan Laporan Draf Kajian  
Keberkesanan Agihan Zakat - IKAZ  
04 Januari 2010



Perhimpunan Bulanan Bersama YBhg Dato' TKSUK  
JPM Bulan Januari 2010  
13 Januari 2010



Hari Bersama Ketua Pengarah  
22 Januari 2010



Perhimpunan Bersama Ketua Pengarah  
12 Februari 2010



JAWHAR menyertai Majlis Perarakan dan  
Perhimpunan Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan  
26 Februari 2010



# JAWHAR

**Lawatan Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI)  
Cawangan Putrajaya ke JAWHAR  
1 Mac 2010**



**Bengkel Perluasan Sistem e-Wakaf Kedah, Perak dan Sabah  
3 Mac 2010**



**Lawatan Wakil Islamic University, Yala Thailand Ke  
JAWHAR  
4 Mac 2010**

**Lawatan En. Hamdi Mohamed dan En. Ahmad  
Hamdi Aissa dari Algeria Ke JAWHAR  
22 Mac 2010**



**Lawatan Pelajar Fakulti Ekonomi  
dan Muamalat USIM Ke JAWHAR  
25 Mac 2010**

**Pasukan Bola Sepak JAWHAR memenangi  
Pertandingan Bola Sepak 9 sebelah MAIWP 2010  
27 Mac 2010**



## PERSIDANGAN KETUA-KETUA JABATAN/ MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SELURUH MALAYSIA KALI KE-82

15 - 16 Mac 2010



Persidangan Ketua-Ketua Jabatan/ Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia (PKJ) dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Keanggotaan PKJ terdiri daripada semua Ketua Jabatan/ Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/ MAIN), Pengarah-Pengarah Bahagian JAKIM dan wakil beberapa agensi.

Lazimnya, PKJ ini diadakan dengan kekerapan tiga kali setahun dihoskan oleh negeri-negeri secara bergilir-gilir. Penganjuran secara bergilir-gilir adalah bagi membuka peluang kepada pihak pelaksana pengurusan hal ehwal agama Islam di seluruh negeri (ahli Persidangan) untuk berbincang secara dua hala dan terbuka dengan pihak pentadbir hal ehwal agama Islam di peringkat Persekutuan dan juga negeri tuan rumah di samping dapat melihat dan mempelajari kemajuan yang dicapai di negeri yang berkenaan. Sebanyak 12 kertas pembentangan telah dibentang dan dibahaskan dalam persidangan kali ini.

Persidangan kali ini, JAWHAR telah dilantik menjadi tuan rumah. Persidangan ini diadakan di Hotel Putra, Kuala Lumpur dan dihadiri oleh 64 peserta yang terdiri dari pelbagai agensi agama di peringkat pusat serta semua Pengarah Jabatan dan YDP Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia.

JAWHAR telah mencatat sejarah negara kerana menjadi agensi Islam pertama yang dianugerahkan MS 1900:2005 iaitu Sistem Pengurusan Kualiti : Keperluan Daripada Perspektif Islam. Oleh yang demikian, kejayaan JAWHAR ini diharapkan menjadi contoh kepada agensi-agensi Islam yang lain sewajarnya. Majlis penganugerahan telah disampaikan oleh Tn. Hj. Abdul Aziz Long, Pengurus Besar Kanan, Pusat Pengurusan dan Penyelidikan Standard, SIRIM Berhad dan disaksikan oleh Menteri dan Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri.

## SEDEKAH MEMBAWA KEBERKATAN

Oleh: Murid Fadzli b. Musa & Mastura bt. Che Rani

Sedekah atau disebut juga sebagai derma ialah sumbangan ikhlas daripada seseorang untuk diberikan kepada seseorang yang lain. Ia merupakan satu bentuk pemberian (hibah) yang paling banyak dilakukan oleh umat Islam. Sedekah merupakan satu cara menginfakkan harta pada jalan Allah SWT untuk perkara-perkara yang diredhai-Nya. Pemberian dalam bentuk sedekah sangat digalakkan sehingga Allah SWT menjanjikan ganjaran pahala sehingga 700 kali ganda atau lebih kepada orang yang menginfakkan hartanya di jalan Allah SWT sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

**“Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah seperti sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai seratus biji. Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha Luas (kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui.”**

(Surah Al-Baqarah: Ayat 261)

Setiap manusia, sejak azali sudah dikurniakan sifat insani seperti keinginan untuk mengambil berat, membimbing, menunjuk ajar, membelai, menyayangi dan disayangi, menghargai dan dihargai, bergotong-royong dan bekerjasama. Oleh itu, mereka boleh memainkan peranan dengan menghulurkan sedekah kepada golongan yang memerlukan. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

**“Tiada beriman seseorang kamu hingga dia mencintai untuk saudaranya apa yang dia cintai untuk dirinya”.**

(Hadis Riwayat Imam Bukhari dan Muslim)

Harta dan kekayaan tidak membawa apa-apa erti tanpa keberkatan. Dengan adanya keberkatan, rezeki yang sedikit akan dirasakan banyak dan mencukupi, sebaliknya rezeki tanpa keberkatan akan dirasakan sempit serta tidak mencukupi walaupun pada hakikatnya harta yang dimiliki adalah banyak. Keberkatan tersebut diperoleh sekiranya seseorang bersyukur atas apa yang dikurniakan-Nya dan membelanjakannya pada jalan yang diredhai-Nya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

**“Dan (ingatlah juga), tatkala Tuhanmu memaklumkan; Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih.”**

(Surah Ibrahim, Ayat 7)

Selain itu, seseorang itu perlu mendapatkan rezeki yang halal, mengeluarkan sedekah yang wajib iaitu zakat apabila cukup nisab dan juga memberikan sedekah sunat kepada golongan fakir/miskin serta anak yatim secara ikhlas hanya kerana Allah SWT tanpa



mengharapkan balasan atau pujian. Sedekah yang paling utama adalah dengan bersedekah terlebih dahulu kepada kaum keluarga diikuti jiran dan seterusnya orang-orang yang lebih jauh. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

**“Sedekah yang terbaik adalah yang dilakukan oleh orang yang kaya. Mulailah dengan memberi sedekah dengan bersedekah kepada orang yang menjadi tanggungjawabmu.”**

(Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Selain itu, pemahaman yang baik berkenaan konsep terdapat hak orang lain ke atas harta kita juga perlu ditingkatkan. Konsep sedekah atau derma ini juga adalah berdasarkan fahaman memberikan sesuatu yang kita sayangi sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

**“Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebijakan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa saja yang kamu nafkahkan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”**

(Surah Ali `Imran: Ayat 92)

Sesungguhnya, Allah SWT pasti akan memberi ganjaran yang setimpal atas sesuatu amalan yang kita lakukan sama ada secara terbuka atau tersembunyi dengan syarat ia dilakukan dengan seikhlas hati. Firman Allah SWT yang bermaksud:

**“Jika kamu menampakkan sedekah(mu), maka itu adalah baik sekali. Dan jika kamu menyembunyikannya dan kamu berikan kepada orang-orang fakir, maka menyembunyikan itu lebih baik bagimu. Dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebahagian kesalahan-kesalahanmu; dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.”**

(Surah Al-Baqarah: ayat 271)

Kesimpulannya, amalan bersedekah amatlah digalakkan dalam Islam kerana selain dari mendapat ganjaran yang besar dari Allah SWT, kita juga dapat membantu saudara-saudara kita yang sedang berada dalam kesempitan. Walaupun Islam telah mensyariatkan zakat ke atas umat Islam, namun amalan bersedekah masih lanting kerana konsepnya sangat luas dari segi sumber harta, agihan, golongan penerima, kadar, tempoh atau masa dan sebagainya. Sedekah itu sendiri adalah tanda kita bersyukur atas segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT serta akan membawa keberkatan kepada harta dan kehidupan kita di dunia dan juga akhirat, Insya-Allah.

# Perancangan Sumber Manusia Dalam Organisasi Zakat

Oleh: : Iqbal Imaduddin bin Zulkifli



Modal insan adalah aset penting kepada organisasi. Pemilihan individu yang sesuai bagi organisasi adalah kritikal kerana ia memberi kesan secara langsung kepada organisasi baik dari segi imej, prestasi dan nilai tambah yang dapat memberi manfaat kepada organisasi. Salah satu cabaran bagi pengurusan sumber manusia ialah bagaimana untuk merancang strategi yang komprehensif dan berkesan dalam memacu organisasi mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang. Perancangan yang berkesan dapat membantu organisasi memilih warga kerja baru yang menepati konsep ‘The Right Person At The Right Place’.

Dalam membentuk organisasi zakat yang unggul, perancangan sumber manusia yang efisyen dapat mencapai matlamat jangka panjang organisasi, dengan memastikan :

- Memiliki pekerja yang sesuai berdasarkan best practices;
- Memiliki skill dan kemahiran yang pelbagai;
- Menampilkkan sikap yang unggul dan bersesuaian; dan
- Dibangunkan dengan cara yang betul.

## i. Memiliki pekerja yang sesuai berdasarkan bidang tugas

‘Get The Right Person At The Right Place’ adalah ungkapan yang selalu kedengaran apabila memperkatakan tentang usaha untuk merekrut pekerja baru. Walaupun nampak mudah, pada hakikatnya agak sukar untuk memiliki pekerja yang bersesuaian dengan kehendak organisasi. Namun, dengan perancangan yang berkesan, pekerja tersebut mampu direkrut. Bagi organisasi zakat, pemilihan pekerja yang sesuai amat penting dalam mencapai matlamat organisasi iaitu kutipan yang efektif dan agihan yang efisyen. Justeru, tidak hairanlah soal pemilihan warga kerja dititikberatkan kerana masyarakat sentiasa memerhati institusi-institusi agama ini. Pemilihan pekerja yang sesuai tentunya memberi imej positif kepada organisasi di mata masyarakat.

## ii. Memiliki kemahiran yang pelbagai

Memiliki pekerja yang mempunyai kemahiran yang pelbagai adalah idaman kepada setiap organisasi, tidak terkecuali organisasi zakat. Ini dapat diwujudkan melalui latihan dan pembangunan berterusan kepada para pekerja. Sebagai contoh, program attachment yang melibatkan pertukaran pegawai dalam jangka masa pendek, akan dapat membantu pegawai dalam memahami sesuatu keperluan tugas dari sudut yang berbeza. Ini dapat membantu organisasi mewujudkan alternatif-alternatif tertentu apabila melaksanakan sesuatu program atau tugas yang di arahkan.

## iii. Menampilkkan sikap yang unggul

Bertugas di sebuah organisasi agama seperti institusi zakat sentiasa menjadi perhatian masyarakat sekeliling, baik sesama Muslim yang kritis terhadap agihan wang zakat, tetapi juga bukan muslim yang mahu melihat sejauh mana keberkesanan zakat sebagai instrumen sosial yang dapat

membantu meningkatkan taraf ekonomi masyarakat. Bagi organisasi zakat, memiliki staf-staf yang berketrampilan, kompeten dan tauhidik adalah idaman kerana melaksanakan tugas sehari-hari berlandaskan syariah.

## iv. Dibangunkan dengan cara yang betul

Dalam perancangan sumber manusia yang komprehensif, salah satu elemen yang wajib disentuh ialah berkenaan perancangan dan pembangunan sumber manusia. Bagi institusi zakat, memiliki staf berkemahiran dan berpengetahuan yang pelbagai seperti mana yang disebutkan di atas adalah satu keperluan berdasarkan cabaran yang diterima dari sehari ke sehari. Keperluan bagi memungut dan mengagih zakat secara efisyen selain mendepani cabaran semasa sebagai sebuah institusi agama, menjadikan perancangan sumber manusia berada di tahap kritikal. Justeru, latihan yang berterusan serta pelbagai adalah penting agar staf-staf tidak hanya bertugas di dalam ruang lingkup, tetapi juga memiliki nilai tambah (value-added) dalam memastikan setiap tugas dapat dipikul sebaik mungkin.

Justeru, bagi mencapai elemen-elemen di atas, maka strategi-strategi tertentu perlu dipraktiskan agar organisasi mendapat manfaatnya. Menerusi Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia JAWHAR, sebanyak Lapan teras perancangan sumber manusia yang komprehensif telah digariskan seperti di bawah:

- Strategi Perancangan Sumber Manusia;
- Strategi Pemilihan;
- Strategi Penempatan (Placement) dan Pertukaran;
- Strategi Pengurusan Prestasi;
- Strategi Pembangunan Kerjaya, Pembangunan Kepimpinan dan Perancangan Penggantian (Succession Plan);
- Strategi Latihan;
- Strategi Menyediakan Program Pengiktirafan dan Penghargaan; dan
- Strategi Meningkatkan Motivasi, Moral dan *Esprit De Corps*.

## Kesimpulan

Perancangan sumber manusia bagi institusi zakat adalah sangat penting kerana sumber manusia adalah pelaburan, bukannya perbelanjaan. Mencapai sesuatu matlamat oleh individu tersebut adalah bonus kepada organisasi. Menerusi latihan berterusan akan dapat memberikan manfaat bukan sahaja kepada individu tetapi juga kepada organisasi agar institusi zakat terus berkembang dan berdaya maju seiring dengan peredaran zaman.

## Rujukan :

- i. Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia JAWHAR, Cetakan Pertama 2008
- ii. The Management of Zakat  
Erie Sudewo. Cetakan Pertama 2007
- iii. A Guide To Strategic Human Resource Planning, [www.workinfo.com](http://www.workinfo.com)

# SELAMAT PENGANTIN BARU



**Majlis perkahwinan En. Rizan b. Maidin, Penolong Pegawai Tadbir (BKPSM) telah diadakan pada hari Sabtu, 13 Mac 2010 bertempat di No.1212 Blok 9 Felda Keratong 5, Bandar Tun Razak Pahang**

**Majlis perkahwinan Pn. Hayana bt. Khairuddin, Pembantu Tadbir (Haji) telah diadakan pada hari Sabtu, 13 Mac 2010 bertempat di B 145, Jalan Panglima Bukit Gantang, Kampung Kenangan Tun Doktor Ismail 2, Sungai Abong, 84000 Muar, Johor.**



# BERMATA JAWHAR



Nama ayah: En. Noorhafidzi b. Mohd Arif  
Nama anak: Nur Aliya Qistina  
bt. Noorhafidzi  
Tarikh lahir: 20 Januari 2010



Nama ibu: Pn. Siti Najwa bt. Shafie  
Nama anak: Muhammad Haziq Hayyan  
b. Mohd Hafiz  
Tarikh lahir : 16 Februari 2010



Nama Ibu: Pn. Zaleha bt. Embong  
Nama anak: Wan Aina Batrisyia bt.  
Wan Mohd Khair  
Tarikh lahir: 17 Februari 2010



Nama ibu : En. Issyemuddeen b. Iesa  
Nama anak : Nur Qaleesya  
bt. Issyemuddeen  
Tarikh lahir: 02 Mac 2010

## MARI BERDOA

Doa mendapat zuriat yang baik

"Wahai Tuhan, kurniakanlah kepadaku daripada sisimu  
zuriat yang baik, sesungguhnya Engkau sentiasa mendengar  
(menerima) Doa."

(Surah Ali Imran, Ayat 38)



## PERTUKARAN DAN LANTIKAN BARU WARGA JAWHAR

### PERTUKARAN KELUAR

Bil	Nama	Jawatan	Ke	Tarikh Bertukar
1	Abdul Aziz b. Ahmad	Pembantu Am	Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan	04/01/2010
2	Norbaiyah bt. Sukor	Pengarah Teknologi Maklumat	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	20/01/2010
3	Mohd Sodri b. Abdullah	Penolong Pengarah	Institut Latihan Islam Malaysia (Cawangan Timur)	01/02/2010
4	Mohd Ariffin b. Abdul Aziz	Penolong Akauntan	Kementerian Pengajian Tinggi	17/2/2010
5	Afzalina bt. Ahamad	Penolong Pengarah	Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (Sarawak)	01/03/2010
6	Siti Patimah bt. Ali	Pembantu Tadbir	Kementerian Pelancongan Malaysia (Pulau Pinang)	01/03/2010
7	Maslinda Sherliza bt. Ma'aris	Penolong Pengarah	JPA	01/04/2010
8	Zakiah bt. Ya	Pembantu Tadbir	MAMPU	01/04/2010

### WARGA BARU

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh Lapor Diri	Daripada Jabatan / Kementerian
1.	Ahmad Munir b. Ishak	Ketua Penolong Pengarah	01/01/2010	Kem. Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
2.	Mohamed Khallam b. Ismail	Pembantu Am Pejabat	02/02/2010	Lantikan Baru
3.	Saidatul Hani bt. Surohedin	Penolong Pengarah	18/02/2010	Lantikan Baru
4.	Mohd Zulfahmi b. Hussain	Penolong Pengarah	25/02/2010	Lantikan Baru
5.	Aizol Amri b. Abd Halim Azimin	Penolong Akauntan	01/03/2010	Kem. Pelajaran Malaysia



# SIJIL



SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI  
ARAS 7, BLOK E2, KOMPLEKS E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62502 PUTRAJAYA  
WILAYAH PERSEKUTUAN  
MALAYSIA**

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati

## MS 1900 : 2005

Quality Management Systems – Requirements from Islamic Perspectives

Skop Pensijilan

- 1) URUSAN PENGENDALIAN SEMINAR, FORUM DAN LATIHAN;
- 2) URUSAN PENYEDIAAN MAKLUMAT HARGA HARIAN PASARAN EMAS;
- 3) URUSAN PENYEDIAAN IKLAN DAN DOKUMENTARI INFQAQ;
- 4) URUSAN MENGURUSETIA JAWATANKUASA PENYELARASAN BAITULMAL KEBANGSAAN (JPBK);
- 5) URUSAN SAMBUTAN TETAMU DARI DALAM DAN LUAR NEGARA;
- 6) URUSAN PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MOU);
- 7) URUSAN PEROLEHAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN;
- 8) URUSAN KHIDMAT PELANGGAN; DAN
- 9) URUSAN PELAKSANAAN AKTIVITI PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI ISLAM SEJAGAT.

Tarikh Dikeluarkan : 05 March 2010

Tempoh Sah : 05 March 2010 – 04 March 2013

No. Pensijilan : AR 5129



*Khalidah Mustafa*

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.  
(Co. No. 410334 - x)  
1. Persiaran Dato' Menteri  
Soksyen 2, Peti Surat 7036  
40911 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
Tel : 06-3-55446404  
Fax : 06-3-55109439

**Khalidah Mustafa**  
Pengarah Urusan  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

*Yahaya Ahmad*

**Ir. Hj. Yahaya Ahmad**  
Pengerusi  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

